


PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

– *Huraian Praktikal*

Syed Abdullah Syed Abu Bakar Al-Kharid



34

HA

Dengan ingatan ikhlas

.....
SYED ABDULLAH AL KHARID KMN, AMN.

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

Huraian Praktikal

Oleh

SYED ABDULLAH SYED ABU BAKAR AL KHARID
KMN, AMN

Dip. Kepimpinan Sosial, Kanada

Dip. Methodologi Latihan Koperasi, Itali

Sijil Spesialis Pendidikan Koperasi, United Kingdom

Sijil Khas Marburg Consult, Germany

PUSTAKA PERDANA



1001488

PRAKATA	
1. REMPAH-RATUS KOPERASI	
Kenapa Kita Perlu Mengetahui Prinsip-Prinsip Koperasi?	1
Kenapa Prinsip-Prinsip Koperasi?	2
Adakah Sistem Koperasi Tidak Mampu Mengendalikan Perniagaan?	4
2. PENGENALAN KEPADA KOPERASI	
Apakah Dia Koperasi?	9
Huraian Definisi	9
Struktur Organisasi Koperasi	12
3. PRINSIP-PRINSIP KOPERASI	
Prinsip-Prinsip Yang Ditetapkan Oleh Ikatan Koperasi Antarabangsa	16
Huraian Praktikal Dan Kritikal Prinsip-Prinsip Koperasi	17

(1) Keahlian secara sukarela dan terbuka	17
(2) Pentadbiran secara demokratik	22
(3) Pembayaran faedah yang terhad atas modal	29
(4) Pembahagian keuntungan yang saksama	30
(5) Penggalakan terhadap pendidikan koperasi	34
(6) Kerjasama yang aktif di antara koperasi-koperasi	40
Lain-Lain Prinsip Koperasi	43

4. KOPERASI DAN SYARIKAT SWASTA

Perbezaan Di Antara Koperasi Dan Syarikat Swasta	47
Struktur Organisasi Perniagaan Koperasi	49
Ringkasan peranan ahli-ahli	50
Ringkasan tanggungjawab ahli-ahli	51
Ringkasan peranan lembaga pengarah	52

Ringkasan tanggungjawab lembaga pengarah	52
Ringkasan peranan pengerusi (presiden atau yang dipertua)	53
Ringkasan tanggungjawab pengerusi	53
Ringkasan peranan pengurus besar	53
Ringkasan tanggungjawab pengurus besar	54
Ringkasan peranan pengurus bahagian atau cawangan	54
Ringkasan tanggungjawab pengurus bahagian ...	54
Ringkasan peranan staf	54
Ringkasan tanggungjawa staf	54

5. SEPINTAS LALU, SELAYANG PANDANG

Perunding Koperasi	56
Jabatan Pembangunan Koperasi	58
Koperasi-Koperasi Di Bawah Penangguhan	60
Gerakan Koperasi Pengguna	63

Akta Koperasi	66
Persediaan Ke Arah Wawasan 2020	68
Senarai Buku-Buku Bacaan	70

PRAKATA

Buku kecil ini diberi tajuk “**PRINSIP-PRINSIP KOPERASI - Huraian Praktikal**” dan diterbitkan sempena ulangtahun yang ke-70 Gerakan Koperasi di Malaysia pada 1 Julai 1992. Buku ini ialah satu daripada beberapa buah buku yang diusahakan oleh penulis untuk mengisi masa lapang sambil meneruskan khidmat bakti kepada masyarakat koperasi yang telah menjadi latar belakang hidupnya selama lebih tiga dekad.

Ada beberapa ciri kelainan dalam buku ini daripada kebanyakan buku ilmiah yang lain. Mukadimah buku ini diberi tajuk **REMPAHRATUS** untuk bersesuaian dengan rancangan kandungannya yang dihurai dengan cara yang boleh diiktibarkan sebagai suatu terapi manakala jamunya ialah **REMPAHRATUS**.

Bab 2, 3 dan 4 ialah perkara pokok buku ini yang memberi huraian secara praktikal dan kritikal kepada tiap-tiap satu prinsip yang diterangkan. Huraian-huraian ini dibantu oleh beberapa contoh yang dipadankan daripada insiden-insiden sebenar yang telah diubahsuai atas keperluan tertentu. Untuk memudahkan lagi para pembaca mengikuti urutan permasalahannya maka beberapa isu telah dibentang dengan rupa soalan dan jawapan supaya perkaranya dapat digambarkan dengan se jelas yang mungkin. Penulis telah lama merasakan

perlu untuk menghuraikan permasalahan dalam gerakan koperasi secara berterus terang dengan harapan bahawa perhatian dan reaksi umum akan membawa perubahan dan pembaharuan, terutamanya yang berkaitan dengan sikap. Penulis ingin memastikan bahawa pengertian prinsip-prinsip ini ditafsirkan dalam konteks kegiatan harian koperasi-koperasi dan tidak hanya sebagai pengetahuan sahaja.

Bab yang akhir diberi tajuk **SEPINTAS LALU, SELAYANG PANDANG**. Di sini disampaikan beberapa pandangan peribadi penulis berserta dengan saranan-saranan yang difikir sesuai untuk mengatasi masalah-masalah yang dihuraikan itu.

Gaya penyampaian yang langsung dalam buku ini membayangkan kesungguhan penulis mengenai isu-isu yang dibangkitkan. Namun begitu bukanlah niat penulis untuk memperkecilkan sesiapa atau menjatuhkan maruah mana-mana pihak menerusi buku kecil ini. Tujuan utamanya ialah untuk membetulkan apa juga jenis kepincangan yang, pada pandangan penulis, telah melemahkan pembangunan gerakan koperasi yang spontan dalam negara.

Sesungguhnya adalah diharapkan bahawa perkara-perkara yang telah dihuraikan dalam buku ini dapat diterima oleh para pembaca yang budiman dengan fikiran terbuka. Walau bagaimanapun kiranya masih terdapat rangkap-rangkap kata atau ayata-ayat yang menyinggung mana-mana pihak maka penulis menyusun jari memohon maaf. Penulis tidak ada niat untuk menyakitkan hati sesiapa pun. Motif penulis ialah semata-

mata untuk menyampaikan kepada pengetahuan umum apa yang dipandangnya sebagai permasalahan, punca-punca permasalahan dan gagasan penyelesaiannya. Namun begitu, sebagai seorang hamba Allah, penulis sendiri tidak bebas daripada kelemahan dan justeru itu dipohon ribuan ampun dan maaf kiranya telah menyinggung perasaan mana-mana pihak.

Syed Abdullah Syed Abu Bakar Al Kharid
KMN, AMN.